

KEMPEN PB JOURNEY JUNIOR SAVERS

TERMA DAN SYARAT

Kempen PB Journey Junior Savers (“Kempen”) ini dilancarkan oleh Public Bank Berhad No. Pendaftaran 196501000672 [6463-H] (“PBB”). Terma dan syarat yang berikut mengawal Kempen ini yang ditawarkan kepada Peserta yang Layak, seperti yang ditakrifkan selepas ini:-

1. Tempoh Kempen

- 1.1 Kempen ini akan berlangsung dari **1 Ogos 2020 hingga 31 Oktober 2020** [termasuk kedua-dua tarikh (“Tempoh Kempen”)].
- 1.2 Kempen ini boleh didapati di semua cawangan PBB di Malaysia.

2. Kelayakan

- 2.1 Kempen ini terbuka kepada semua pelanggan individu PBB baharu dan sedia ada termasuk bukan pemastautin (“Peserta yang Layak”).
- 2.2 Pelanggan yang berikut **TIDAK** layak untuk mengambil bahagian dalam Kempen ini:
 - a) Kakitangan tetap dan/atau kontrak PBB, Public Islamic Bank Berhad (“PIBB”) dan Public Investment Bank Berhad; dan
 - b) Akaun bukan individu iaitu keempunyaan tunggal, perkongsian, entiti korporat, persatuan, kelab, sekolah dan pertubuhan.
- 2.3 Bagi membolehkan pemegang akaun yang berumur di bawah umur 18 tahun (“Kanak-kanak”) yang membuka Akaun Simpanan WISE (WISE) secara persendirian/bersama untuk mengambil bahagian dalam Kempen ini, ibu atau bapa/penjaga sah Kanak-kanak itu mesti memberi keizinan dan bersetuju dengan Terma dan Syarat Kempen ini.
- 2.4 Peserta yang Layak untuk Akaun Bagi Pihak atau Akaun Bersama ialah ibu atau bapa/penjaga sah Kanak-kanak berkenaan.
- 2.5 Pemegang akaun WISE dan PLUS FD mestilah dalam nama individu yang sama.

- 2.6 Peletakan deposit WISE dan Deposit Tetap PLUS (PLUS FD) yang dibuat di bawah Kempen ini tidak boleh dan dilarang digunakan untuk kempen lain yang dijalankan serentak semasa Tempoh Kempen ini, atau apa-apa lanjutan selepas itu.
- 2.7 Peletakan deposit WISE dan PLUS FD yang dibuat di bawah Kempen ini mestilah dana baharu. “**Dana baharu**” merujuk dana yang bukannya daripada dana sedia ada yang disimpan dalam mana-mana akaun deposit Peserta yang Layak dengan PBB atau PIBB.
- 2.8 Sumber dana baharu yang diterima adalah seperti yang berikut:-
- a) Tunai yang diterima daripada sumber luar;
 - b) Prosid yang diterima daripada pendebitan suatu akaun (dengan syarat sumber dana adalah dana baharu yang didepositkan dalam akaun berkenaan);
 - c) Prosid daripada Cek Sendiri daripada pihak ke-3;
 - d) Prosid daripada Cek Tempatan; dan/atau
 - e) Prosid daripada Pindahan Telegrafik (TT) / GIRO Antara Bank (IBG) / RENTAS daripada bank-bank lain.
- 2.9 Dalam tempoh tujuh (7) hari kalendar selepas dana baharu ini dipindahkan kepada PBB dalam mana deposit disimpan, Peserta yang Layak mesti mengunjungi cawangan pemegang akaun untuk memaklumkan / membenarkan PBB untuk melaksanakan peletakan tersebut.
- 2.10 Deposit yang dibuat menggunakan cek tertakluk pada penjelasan dan akan hanya dianggap sebagai deposit oleh Peserta yang Layak selepas cek tersebut dibayar atau dijelaskan dan akan hanya dianggap laku jika tidak dipulangkan sebagai cek tak laku. Penyertaan dalam Kempen ini akan berkuat kuasa apabila fasal ini dipenuhi.
- 2.11 Apa-apa amaun yang diuntukkan dalam peletakan WISE dan PLUS FD yang dibuat di bawah Kempen ini tidak dibenarkan untuk dijadikan sandaan bagi apa-apa overdraf atau kemudahan tunai-i, atau apa-apa kemudahan atau pembiayaan lain.
- 2.12 Kempen ini **TIDAK** sah dengan promosi produk lain yang ditawarkan serentak oleh PBB dan/atau PIBB.

3. Mekanisme Kempen

3.1 Produk yang Layak dalam Kempen ini adalah seperti yang berikut:

Bil.	Produk yang Layak
1	Akaun Simpanan WISE (WISE)*
2	Deposit Tetap PLUS (PLUS FD)*
3	empower 2# / empower Edu 2# / PB Max Advantage^ (Produk Insurans yang Layak)

* Dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia setakat RM250,000 bagi setiap pendeposit.

Pelan Insurans Berkaitan Pelaburan Premium Biasa yang ditaja jamin oleh AIA Berhad (“AIA”).

^ Pelan Insurans yang Tidak Mengambil Bahagian dengan Ciri-ciri Berkaitan Pelaburan yang ditaja jamin oleh AIA.

3.2 Untuk mengambil bahagian dalam Kempen ini, Peserta yang Layak dikehendaki membuka akaun WISE baharu dengan deposit permulaan minimum sebanyak RM500 (pemegang akaun baharu) atau menambah deposit minimum sebanyak RM500 (pemegang akaun sedia ada) dan membenarkan deposit itu untuk diuntukkan selama 3 bulan.

3.3 Peserta yang Layak layak untuk yang berikut apabila memenuhi kriteria yang dinyatakan dalam Perkara 3.2:-

a) **Kadar Faedah Promosi PLUS FD selama 5 bulan;** dan/atau

b) **Rebat Tunai sebanyak RM150** untuk premium tahun pertama bagi Produk Insurans yang Layak

3.4 Peserta yang Layak layak untuk mengambil bahagian dalam **Peraduan Hadiah Tunai** apabila memenuhi Perkara 3.2 dan mana-mana kriteria yang dinyatakan di bawah Perkara 3.3.

3.5 Untukan WISE dan pendaftaran Produk Insurans yang Layak di bawah Kempen ini mesti dibuat di cawangan pemegang akaun WISE.

4. WISE

- 4.1 Pertukaran Produk Tidak Layak kepada Produk yang Layak semasa Tempoh Kempen ini tidak akan layak untuk mengambil bahagian dalam Kempen ini.
- 4.2 Sekiranya amaun deposit yang diuntukkan dalam WISE itu dibatalkan, ditarik balik atau dikeluarkan sebelum tamatnya tempoh utukan yang dinyatakan di bawah Kempen bagi apa-apa juga sebab, Peserta yang Layak dikehendaki untuk mengeluarkan peletakan PLUS FD sebelum matang pada hari yang sama.
- 4.3 Sekiranya Peserta yang layak ingin menutup WISE sebelum peletakan PLUS FD matang, Peserta yang Layak dikehendaki untuk melepaskan amaun deposit yang diuntukkan, menutup WISE dan mengeluarkan peletakan PLUS FD sebelum matang pada hari yang sama.

5. Kadar Faedah Promosi PLUS FD

- 5.1 Peletakan PLUS FD di bawah Kempen ini tertakluk pada had minimum dan maksimum seperti yang berikut:

Peletakan PLUS FD	
Minimum	Maksimum
RM5,000 setiap resit	RM1,000,000 setiap pelanggan

- 5.2 Peletakan PLUS FD baharu mesti dibuat semasa Tempoh Kempen.
- 5.3 Peserta yang Layak dibenarkan untuk membuat peletakan PLUS FD dalam resit berganda tertakluk pada amaun minimum sebanyak RM5,000 setiap resit.
- 5.4 Peserta yang Layak dibenarkan untuk membuat peletakan PLUS FD berganda sehingga RM 1 Juta setiap pelanggan selagi beliau mempunyai satu (1) deposit yang diuntukkan di bawah Kempen ini.
- 5.5 Sekiranya Peserta yang Layak mempunyai lebih daripada satu (1) deposit yang diuntukkan, beliau hanya dibenarkan untuk membuat peletakan PLUS FD sehingga RM1 Juta di bawah Kempen ini.

- 5.6 Kadar faedah promosi yang ditawarkan di bawah Kempen ini adalah seperti yang berikut:-

Tempoh	Kadar Faedah Promosi (% setahun)
5 Bulan	2.15

- 5.7 PLUS FD ini adalah peletakan selama 5 bulan sahaja. Kadar faedah promosi hanya diterima pakai untuk satu (1) pusingan sahaja. PLUS FD akan diperbaharui secara automatik dalam tempoh 5 bulan pada kadar kaunter semasa PBB dengan faedah PLUS FD ditambah pada amaun pokok atau dikreditkan dalam WISE Peserta yang Layak yang ditetapkan apabila matang.
- 5.8 Faedah dikira berdasarkan bilangan hari sebenar.
- 5.9 Kadar faedah promosi PLUS FD ini adalah tetap selepas penyertaan / peletakan.
- 5.10 Apabila matang, faedah PLUS FD akan ditambah pada amaun pokok atau dikreditkan dalam WISE Peserta yang Layak yang ditetapkan menurut peraturan operasi biasa PBB bagi pengkreditan faedah PLUS FD kepada WISE.
- 5.11 **Peletakan PLUS FD di bawah Kempen ini yang dikeluarkan sebelum matang semasa tempoh berkenaan, tidak layak untuk menikmati apa-apa faedah sekali pun.**

Keadaan di atas akan terus berkuat kuasa apabila peletakan PLUS FD diperbaharui.

- 5.12 Pengeluaran sebahagian peletakan PLUS FD **tidak** dibenarkan.
- 5.13 Semua arahan bagi pengeluaran peletakan PLUS FD mesti dibuat dengan memberi arahan bertulis yang jelas dan tepat dan ditandatangani dengan sewajarnya oleh penandatangan yang dibenarkan bagi akaun tersebut berkaitan dengan pengeluaran dan pelupusan deposit berkenaan. PBB berhak untuk menolak / mengelak daripada melaksanakan arahan tersebut sekiranya tandatangan pada dokumen seumpama itu, pada pandangan PBB, berbeza daripada tandatangan contoh yang diberi, mengikut keadaan. Semua pindaan dalam arahan tersebut hendaklah disahkan dengan tandatangan seperti mana tandatangan contoh.

6. Rebat Tunai untuk Produk Insurans yang Layak

- 6.1 Peserta yang Layak layak untuk Rebat Tunai sebanyak RM150 untuk premium tahun pertama dengan mendaftar Produk Insurans yang Layak yang berkenaan dengan premium tahunan dikuatkuasakan minimum seperti yang berikut:-

Produk Insurans yang Layak	Premium Tahunan Dikuatkuasakan Minimum (RM)	Jenis Pembayaran
empower 2	2,000	Tahunan
empower Edu 2	2,000	
PB Mas Advantage	5,000	

- 6.2 Kanak-kanak yang memegang WISE dan orang yang diinsured bagi Produk Insurans yang Layak mestilah orang yang sama.
- 6.3 Produk Insurans yang Layak mesti dikuatkuasakan dengan jenis pembayaran premium tahunan semasa Tempoh Kempen dan tidak lebih daripada 30 November 2020.
- 6.4 Peserta yang Layak layak untuk satu (1) unit Rebat Tunai bagi setiap Produk Insurans yang Layak di bawah Kempen ini.
- 6.5 Rebat Tunai tidak boleh dipindahkan, tidak boleh dirundingi dan tidak boleh ditukar dengan hadiah, kredit atau barang, sebahagian atau sepenuhnya.
- 6.6 Rebat Tunai akan dikreditkan dalam WISE yang ditetapkan oleh Peserta yang Layak dalam tempoh tiga (3) bulan selepas Tempoh Kempen.
- 6.7 Sekiranya berlaku keadaan yang berikut, Peserta yang Layak tidak layak untuk Rebat Tunai:-
- a) WISE ditutup sebelum pengkreditan Rebat Tunai;
 - b) Polisi dibatalkan dalam “tempoh bertenang” atau “tempoh percubaan” Polisi yang berkenaan, diserahkan atau digantikan dengan polisi AIA sedia ada semasa Tempoh Kempen. Sila rujuk Lembaran Keterangan Produk Insurans yang Layak yang berkenaan untuk maklumat lanjut mengenai “tempoh bertenang” atau “tempoh percubaan”; dan/atau
 - c) amaun deposit yang diuntukkan dalam WSE dibatalkan, ditarik balik atau dikeluarkan sebelum tempoh untukan yang ditetapkan atas apa jua sebab.

7. Peraduan Hadiah Tunai

7.1 Hadiah Tunai yang ditawarkan adalah seperti yang berikut:

Hadiah	Bil. Pemenang	Hadiah Tunai (RM)
Pertama	1	3,888
Kedua	1	1,888
Ketiga	1	888
Saguhati	165	188

7.2 Peserta yang Layak layak untuk penyertaan peraduan seperti yang berikut:-

Produk yang Layak	Butiran	Bilangan Penyertaan Peraduan
WISE	Amaun setiap RM200 yang diuntukkan	1
PLUS FD	Setiap RM1,000 amaun peletakan	1
Produk Insurans yang Layak	Setiap RM100 Premium Tahunan Dikuatkuasakan	1

7.3 Peserta yang Layak tidak layak untuk penyertaan peraduan sekiranya berlaku peristiwa yang berikut semasa Tempoh Kempen:-

- a) amaun deposit yang diuntukkan dalam WISE dibatalkan, ditarik balik atau dikeluarkan sebelum tempoh untukan yang ditetapkan;
- b) peletakan PLUS FD di bawah Kempen ini dikeluarkan sebelum matang semasa tempoh berkenaan; dan/atau
- c) Polisi dibatalkan dalam “tempoh bertenang” atau “tempoh percubaan” Polisi berkenaan, diserahkan atau diganti dengan polisi AIA sedia ada semasa Tempoh Kempen.

7.4 Bakal pemenang Pertama, Kedua dan Ketiga akan dipilih berdasarkan penyertaan peraduan teragregat tertinggi pada akhir Tempoh Kempen.

- 7.5 Satu ratus enam puluh lima (165) Peserta yang Layak akan disenarai pendek sebagai pemenang Hadiah Saguhati berdasarkan kriteria yang ditentukan terlebih dahulu iaitu jumlah bilangan penyertaan peraduan yang diterima pada akhir tempoh Kempen dibahagikan dengan satu ratus enam puluh lima (165). Peserta yang Layak dengan Nombor Siri yang sepadan dengan nombor di atas akan disenarai pendek sebagai bakal pemenang Hadiah Saguhati.
- 7.6 Peserta yang Layak hanya layak untuk satu (1) Hadiah Tunai di bawah Kempen ini.
- 7.7 Satu ratus enam puluh lima (165) bakal pemenang Hadiah Tunai dikehendaki menjawab satu (1) soalan dengan betul untuk layak mendapat Hadiah Tunai.
- 7.8 Bakal pemenang Hadiah Tunai yang gagal untuk menjawab soalan dengan betul tidak layak untuk memenangi Hadiah Tunai dan bakal pemenang yang berikutnya akan dihubungi.
- 7.9 Pemenang Hadiah Tunai yang telah disahkan akan diumumkan dan disiarkan dalam laman web PBB.
- 7.10 Hadiah Tunai tidak boleh dipindahkan, tidak boleh dirundingi dan tidak boleh ditukar dengan hadiah, kredit atau barang, sebahagiannya atau sepenuhnya.
- 7.11 Hadiah Tunai akan dikreditkan dalam WISE dalam tempoh tiga (3) bulan selepas Tempoh Kempen.
- 7.12 Sekiranya WISE ditutup sebelum Hadiah Tunai dikreditkan, tiada Hadiah Tunai akan dikreditkan.

8. Hak PBB

- 8.1 Melainkan kadar faedah promosi yang dinyatakan dalam Fasal 5.6 di atas yang ditetapkan apabila penyertaan / peletakan dibuat, PBB boleh meminda, memotong dan/atau membuat penambahan kepada mana-mana Terma dan Syarat dalam ini dengan notis sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari dalam laman web PBB atau menerusi kaedah komunikasi lain dan pindaan, pemotongan atau penambahan sedemikian hendaklah berkuat kuasa pada tarikh sebagaimana yang akan ditetapkan oleh PBB. Dengan terus mengambil bahagian dalam Kempen ini, Peserta yang Layak dianggap bersetuju untuk mematuhi pindaan, pemotongan atau penambahan Terma dan Syarat berkenaan sebagaimana di atas.

9. Lain-lain

9.1 Dengan mengambil bahagian dalam Kempen ini, Peserta yang Layak:-

- a) bersetuju bahawa terma dan syarat ini akan diguna pakai bersama-sama dengan Peraturan-peraturan yang mengawal pembukaan dan pengendalian WISE dan PLUS FD, dan terma dan syarat serta pengecualian kontrak Polisi Produk Insurans yang Layak berkenaan, yang sesalinannya telah diberi kepada Peserta yang Layak;
- b) bersetuju dan membenarkan maklumat berkenaan dengan WISE, PLUS FD dan Produk Insurans yang Layak boleh diproses, dikumpul, digunakan dan disimpan oleh PBB bagi tujuan Kempen ini;
- c) bersetuju bahawa keputusan PBB adalah muktamad.

9.2 Untuk meneliti Notis Kerahsiaan PBB mengenai bagaimana PBB menggunakan maklumat anda atau sekiranya anda ingin menerima maklumat mengenai produk dan perkhidmatan termasuk tawaran promosi dan bahan pemasaran PBB, sila layari www.pbebank.com atau mana-mana cawangan PBB.

Ruang Selebihnya pada Muka Surat ini Sengaja Dibiarkan Kosong
